

NAMA MODUL	PEMBANGUNAN JIWA INSAN (PUJI)		
TAJUK	rukun ISLAM DAN rukun IMAN		
OBJEKTIF PRESTASI TERMINAL	Mengetahui, beriman dan beramal dengan rukun Islam dan rukun Iman secara yakin dan jitu. Ia turut diamalkan secara konsisten dalam kehidupan seharian.		
NAMA		NO. K/P	
TUJUAN : Kertas tugas ini adalah untuk pelatih ; 1. Menguji tahap kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang rukun Islam dan rukun Iman. 2. Menguji kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang ciri dan kepentingan memahami rukun Islam dan rukun Iman. ARAHAN : 1. Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang terkandung dalam Helaian Tugas ini. 2. Baca dengan teliti sebelum menjawab semua soalan berikut.			

1. Pengucapan lafaz Syahadah bukan hanya melafazkannya di bibir mulut sahaja, tetapi perlu juga...
 - A. Melalui perbuatan melakukan ibadah
 - B. Melalui ibadah dan perkataan
 - C. Melakukan solat 5 waktu
 - D. Membenarkan di hati

2. Apakah kefahaman mengenai lafaz syahadah ?
- A. Pengakuan penafian terhadap sembah-sembahan selain Allah SWT
 - B. Pengakuan Nabi Muhammad adalah rasul terakhir
 - C. Pengakuan wujudnya Allah SWT dan keesaanNya serta pengakuan kerasulan Nabi Muhammad SAW
 - D. Pengakuan patuh dan taat serta janji setia akan melaksanakan ajaran Islam
3. Zakat merupakan antara kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh seorang muslim untuk menyucikan harta. Apakah nama satu lagi komponen zakat yang dikeluarkan bertujuan untuk menyucikan diri yang dilaksanakan dalam bln ramadhan?
- A. Zakat Emas
 - B. Zakat Tanaman
 - C. Zakat Perniagaan
 - D. Zakat Fitrah
4. Kefardhuan puasa di bulan Ramadhan perlu dilaksanakan oleh orang Islam yang sihat, baligh dan berakal, bermukim, suci dari haid dan nifas. Apakah yang anda faham mengenai dengan puasa ?
- A. Tidak makan dan minum dari waktu Subuh sehingga Maghrib
 - B. Menahan diri daripada makan dan minum serta perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari.
 - C. Bersolat terawih di waktu malam
 - D. Memperbanyakkan ibadah – ibadah seperti solat sunat, baca quran dan berzikir.
5. Para Rasul dan Nabi merupakan utusan Allah SWT kepada manusia sejagat. Jumlah Nabi secara keseluruhannya adalah 124,000 manakala Rasul pula 313 orang. Berapakah bilangan Rasul Ulul Azmi ?
- A. 100 orang
 - B. 50 orang
 - C. 25 orang
 - D. 5 orang

6. Apakah kitab yang diturunkan dan diwahyukan kepada Nabi Musa as ?
- A. Zabur
 - B. Injil
 - C. Taurat
 - D. Al-Quran
7. Hari Kiamat merupakan hari pengakhiran bagi makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT. Semua akan musnah dan hancur pada hari tersebut kecuali makhluk yang diizinkan Allah SWT sahaja. Bilakah hari yang disabdakan oleh Rasulullah SAW akan berlakunya kiamat?
- A. Isnin
 - B. Jumaat
 - C. Sabtu
 - D. Ahad
8. Berikut adalah akibat menafikan Rukun Iman kecuali :-
- A. Iman seseorang akan terbatal
 - B. Bertambah keimanan
 - C. Mudah melakukan kemungkaran dan maksiat
 - D. Hilang keberkatan dan keredhaan dari Allah SWT